

Elak menerima nasib Melayu Singapura — PM

MELAKA 3 Okt. — Orang Melayu di negara ini mungkin menjadi kumpulan minoriti seperti Melayu Singapura jika mereka enggan bekerja lebih tekun sebaliknya bersengketa sesama sendiri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, orang Melayu di negara ini pada suatu ketika dahulu nyaris mengalami nasib seperti Melayu Singapura sebagai kumpulan minoriti tetapi terselamat kerana kegawatan ekonomi pada tahun 1930 yang memaksa ramai pendatang dari China dan India pulang semula ke tanah air masing-masing.

Pada tahun-tahun 1925, 1926 dan 1927, bilangan orang Melayu kurang daripada kaum pendatang yang masuk ke negara ini untuk bekerja di lombong dan ladang getah, yang nampak peluang ekonomi yang ada di negara ini, katanya semasa sesi dialog Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam ke-3 di Tanjung Kling di sini.

Dr. Mahathir berkata, orang

Melayu pada ketika itu tidak mahu menggunakan peluang pekerjaan yang dilakukan oleh kaum pendatang itu.

"Jika tidak kerana kegawatan ekonomi 1930, apabila ramai orang Cina dan India kembali ke tanah air, sampai tahun 1945, jumlah orang Melayu tentu kurang daripada kaum lain. Kita hampir hilang Tanah Melayu," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sejarah itu harus memberi pengajaran kepada orang Melayu di negara ini dan oleh itu mereka perlu bekerja bersungguh-sungguh bagi memastikan mereka cemerlang dalam semua bidang kegiatan.

Dr. Mahathir berkata, keadaan yang berlaku ke atas orang Melayu di republik itu seharusnya dijadikan amaran kepada orang Melayu di negara ini supaya tidak menerima nasib yang sama seperti mereka.

"Kita harus maju dalam semua bidang ilmu, apa juga kerja yang kita lakukan mesti lebih baik daripada orang lain. Kalau

jadi kuli kita jadi kuli lebih baik dari kuli lain, kita tak nak la jadi kuli," katanya.

Jelas Dr. Mahathir, bilangan orang Melayu di republik itu ketika ini semakin berkurangan dan begitu lemah berbanding bangsa mereka sendiri di negara ini.

Dr. Mahathir berkata, tidak ada mana-mana pihak yang boleh mendakwa orang-orang Melayu di republik itu jauh lebih baik berbanding orang Melayu di negara ini.

Cabaran

"Kalau ada orang cakap Melayu Singapura jauh lebih baik dari Melayu Malaysia, saya tak taulah dari mana (dia dapat).

"Saya nak tanya berapa orang jeneral Melayu ada di Singapura, berapa orang setiausaha dalam jabatan-jabatan (di republik itu) yang terdiri dari orang Melayu," katanya.

Dalam sesi dialog itu peserta yang menganggotai Persatuan Melayu Bersatu Singapura meminta pandangan Perdana Men-

teri mengenai cabaran dan nasib masa depan orang Melayu republik itu.

Menurut Perdana Menteri, orang Melayu tidak seharusnya pandai bercakap sahaja kerana mereka perlu tekun dan pada masa yang sama menguasai pelbagai bahasa, terutama Bahasa Inggeris.

Mengulas perkara yang sama pada sidang akhbar kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, orang Melayu menjadi lemah kerana merasakan diri mereka selamat dan tidak mahu tekun bekerja.

"Dia (orang Melayu) merasa selamat, jadi bila selamat dia (orang Melayu) kira nak berkelahi," katanya.

Ditanya sama ada ia terjadi sedemikian kerana mendapat perhatian kerajaan, Dr. Mahathir berkata:

"Kita tak manja, kita nak tolong, tapi benda yang kita nak tolong dia pi salah guna."

Menurut Perdana Menteri, setiap kali kerajaan hendak melakukan sesuatu untuk kebaikan

orang Melayu ada sahaja golongan yang menentang.

Dr. Mahathir memberikan contoh, usaha kerajaan untuk menyedarkan orang Melayu tentang betapa pentingnya penguasaan ilmu moden ditentang dengan alasan kononnya ia ilmu sekular dan orang Melayu harus mementingkan ilmu agama semata-mata.

"Dengan itu (akibat penentangan itu) orang Melayu tidak punyai kebolehan, mereka tidak cekap dan sudah tentu jadi miskin dan lemah dan bila miskin dan lemah kita akan ditindas orang," katanya.

Beliau turut menegur orang Melayu yang tidak gemar menguasai Bahasa Inggeris kerana ia penting dalam mengejar kemajuan dunia dalam bidang sains dan teknologi.

Dr. Mahathir berkata, banyak buku dan jurnal dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan ia mustahil untuk kesemuanya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.

Kata beliau, apabila kerajaan

berhasrat untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan orang Melayu ada pihak yang mengatakan langkah itu bermakna kerajaan tidak sayangkan Bahasa Melayu.

Dr. Mahathir berkata, menerusi penguasaan bahasa Inggeris tidak bermakna penggunaan bahasa Melayu akan diketepi-

kan begitu sahaja ataupun mengubah orang Melayu itu sendiri menjadi orang Inggeris.

"Saya sekolah dalam Bahasa Inggeris dari sekolah rendah hingga lulus sebagai doktor, saya tak jadi Orang Puteh, saya Melayu, barangkali lebih Melayu daripada sesetengah orang yang kata dia Melayu," katanya.